

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

AKP 401 PENGAUDITAN

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.  
(3 jam)

---

Arahan:

1. Nilai peperiksaan ini ialah 100 markah.
2. Anda dikehendaki menjawab SEMUA SOALAN di Bahagian A dan DUA daripada TIGA soalan di Bahagian B.
3. Pembahagian markah adalah seperti berikut:  
Bahagian A = 60 markah  
Bahagian B = 40 markah
4. Peperiksaan ini mengandungi 11 muka surat.
5. Keupayaan untuk bekerja di dalam masa yang terhad adalah penting kepada seseorang juruaudit. Anda diberikan masa 3 jam untuk menjawab soalan-soalan.  
  
JANGAN menghabiskan terlalu banyak masa menjawab sesuatu soalan.
6. Penulisan adalah mustahak kepada juruaudit. Jawapan yang diberikan hendaklah jelas dan membolehkan seseorang juruaudit yang membaca, memahami dengan tepat apa yang anda maksudkan. Anda akan diperiksa dari segi kualiti dan bukan kuantitinya.

...2/-

BAHAGIAN A

Jawab kesemua soalan di bahagian ini.

1. (a) Syarikat Polito membuat pengiraan inventornya pada Februari 28, 1986. Anda sebagai ketua juruaudit di dalam kumpulan anda telah ditugaskan untuk membuat pemerhatian terhadap pengiraan pada tarikh tersebut. Semasa pemerhatian pengiraan inventori, anda telah mendapati beberapa masalah kecil. Penjelasan telah diberikan terhadap masalah ini dan anda telah berpuas hati dengan penjelasan tersebut.

Pada Mac 17, 1986, pegawai bertugas telah menyerahkan kepada anda sebahagian daripada kertas ringkasan inventori seperti di bawah ini.

<u>Nombor "Tag"</u>	<u>Penerangan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Harga(\$)</u>	<u>Jumlah(\$)</u>
2683	Klip besi X104	746 unit	1.50/unit	1,146 1119
686	Kepingan besi, 8 cm	1,264 meter	0.50/meter	632
/ 4822	Paip, 3cm	856 meter	3.00/meter	2,568
43	Pencengkam kelas berat, No. 4	376 unit	0.10/unit	376
/ 561	Pam kelas berat	178 unit	4.50/unit	801
/ 2184	Potongan besi, 6 cm <i>h</i>	125 unit	1.20/unit	150
3421	Alat penggerudi, No. 107	<del>36</del> <sup>45</sup> kotak	25.00/kotak	900
✓ 1746	Lapisan getah dalaman	312 kotak	15.00/kotak	4,680

Semasa pemerhatian inventori, anda telah mencatatkan maklumat kawalan inventori "tag" di dalam kertas kerja anda seperti berikut:

...3/-

<u>Kumpulan mengira</u>	<u>Nombor "tag" yang ditugaskan kepada kumpulan untuk dibuat pengiraan</u>	<u>Nombor "tag" yang terakhir digunakan oleh syarikat</u>
A	1 - 750	609
B	751 - 2000	1824
C	2001 - 4000	3476
D	4001 - 5500	4926
E	5501 - 6000	5784

Anda juga telah mencatatkan maklumat berikut di dalam kertas kerja anda:

<u>Nombor "tag"</u>	<u>Penerangan</u>	<u>Bilangan</u>
✓ 561	Pam kelas ringan	178 unit
2264	Paip angin, 1 meter	63 meter
✓ 4822	Paip, 3 meter	856 meter
✓ 2184	Potongan besi, 6 meter	125 unit
5627	Alat penggerudi, No. 107	48 kotak
✓ 1746	Lapisan getah dalaman	26 dozen kotak

Dikehendaki:

Dengan menggunakan maklumat di atas, kenalpastikan kesilapan di dalam kertas ringkasan inventori. Gunakan bentuk di Jadual A untuk menjawab soalan ini. Jika sesuatu butiran itu betul, tunjukkan fakta ini dengan menandakan " ✓ " di dalam ruangan "Penerangan mengenai kesilapan yang di-kesan".

...4/-

Jadual A

Nombor "tag"           Penerangan mengenai kesilapan yang dikesan.

---

2683

686

4822

43

561

2184

3421

1764

(16 markah)

- (b) Nyatakan mengapa "penggalan" yang betul bagi belian dan jualan banyak bergantung kepada pemerhatian inventori.

(3 markah)

2. (a) Di bawah ini adalah keadaan-keadaan yang berasingan. setiap keadaan menunjukkan kelemahan kawalan dalaman di dalam Syarikat Cuai Bhd yang mana boleh dijumpai semasa menjalankan pengauditan. Terangkan SATU daripada peraturan audit yang paling sesuai dan jika dilakukan dapat mengesan masalah ini. (Tidak perlu menyatakan samada peraturan adalah peraturan pematuhan atau lanjutan.)

- (1) Kadangkala Samy, kerani yang bertanggung jawab terhadap surat-surat (tidak menjaga rekod penghutang) mengambil wang yang dibayar oleh pelanggan.

(1 markah)

...5/-

- (2) Kadangkala, pelanggan kurang dibilkan.  
(1 markah)
- (3) Kadangkala, pelanggan yang telah memulangkan barangan telah terlebih dibilkan, iaitu pelanggan tidak dikreditkan untuk inventori yang dipulangkan.  
(1 markah)
- (4) Kadangkala, pesanan daripada pelanggan telah dihantarkan tetapi tidak dibilkan sehinggalah beberapa bulan kemudian.  
(1 markah)
- (5) Kadangkala, cek telah dikeluarkan kepada pembekal untuk bekalan bahan mentah, tetapi bekalan itu tidak diterima oleh syarikat.  
(1 markah)
- (6) Cek yang telah dikeluarkan kepada pembekal pada bulan Disember telah dicatatkan 2 kali di dalam buku tunai untuk menutupi penipuan yang telah dilakukan. Cek itu telah dijelaskan oleh bank dan tidak dinyatakan di dalam penyata penyesuaian bank.  
(2 markah)
- (7) Pekerja dibayar lebih daripada masa yang dikerjakan.  
(1 markah)
- (8) Gaji dibayar kepada pekerja yang tidak pernah wujud.  
(1 markah)

...6/-

- (9) Semasa penyediaan gaji pekerja, kerani gaji telah menolak jumlah yang lebih daripada sepatutnya bagi cukai pendapatan beberapa orang pekerja dan jumlah ini telah dikreditkan kepada rekod pendapatannya sendiri.

(2 markah)

- (10) Kadangkala, kerani gaji terlupa untuk mencatatkan 1 atau 2 cek di dalam jurnal gaji.

(1 markah)

- (b) Sebagai sebahagian daripada pengesahan nilai penghutang pada tarikh kunci kira-kira, juruaudit mungkin boleh memeriksa salinan invois-invois jualan. Juga, sebagai sebahagian daripada pengesahan pemiutang juruaudit boleh memeriksa invois belian. Bukti yang manakah yang boleh dipercayai?

(2 markah)

- (c) Encik Hafizuddin telah bekerja selama 3 tahun untuk sebuah firma audit kerajaan. Tanggungjawabnya telah terhad kepada mengaudit kedai-kedai runcit dan mengenalpastikan masalah-masalah percukaian yang sehubungan dengannya. Dia juga telah bekerja dengan jabatan percukaian untuk beberapa bulan. Oleh kerana ramai daripada rakan-rakan sejawatnya telah berhenti kerja, dan kerana penambahan beberapa pelanggan baru, firma audit ini tidak mempunyai cukup kakitangan.

Hafizuddin telah disuruh mengaudit sebuah syarikat pembinaan awam yang telah selama ini menerima pendapat tanpa syarat. Dia telah diberi tunjuk ajar yang kurang daripada rakan auditnya kerana rakannya telah jatuh sakit dan tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuh kepada tanggungjawab profesyenalnya. Walaupun Hafizuddin adalah seorang yang tekun di dalam menjalankan kerja, tetapi ia merasa tidak selesa disepanjang perlantikannya oleh kerana beberapa masalah teknikal yang ditemui.

...7/-

Untuk menambahkan lagi masalah, beliau telah di-suruh menyiapkan laporan pada tarikh yang telah dipersetujui oleh firma auditnya, walaupun audit ini telah bermula 1 minggu lewat daripada tarikh yang dijadualkan. Dengan bekerja sepanjang hari dan pada hujung minggu, Hafizuddin telah berjaya menyiapkan laporan pada masa yang ditetapkan.

Ia merasa bahawa pangauditan yang dijalankan adalah jauh daripada sempurna, tetapi memandangkan keadaan adalah berpuas hati terhadap mutu kerjanya.

Dikehendaki:

Nyatakan jika ada, standard-standard pengauditan yang diterima umum yang telah tidak dipatuhi. Terangkan mengapa ianya tidak dipatuhi. (Markah akan dipotong, jika anda menyatakan standard-standard yang DIPATUHI).

( 9 markah)

3. (a) Juruaudit buat masa ini kerap menggunakan teknik persampelan statistik bagi membuat pemilihan butiran-butiran yang hendak diuji.

Dikehendaki:

- (i) menyatakan keadaan-keadaan yang seharusnya wujud sebelum teknik persampelan statistik boleh digunakan.

(2 markah)

- (ii) menyatakan kebaikan-kebaikan menggunakan teknik persampelan ini.

(2 markah)

- (iii) menggariskan faktor-faktor yang seharusnya diambil kira semasa menggunakan teknik persampelan ini.

(4 markah)

...8/-

- (b) Tuliskan nota-nota ringkas mengenai 5 daripada yang berikut:
- (a) membauc
  - (b) ujian mendalam
  - (c) audit interim dan final
  - (d) surat perwakilan
  - (e) hak-hak juruaudit
  - (f) audit berdasarkan sistem
  - (g) fail-fail audit

(10 markah)

...9/-



BAHAGIAN B

Jawab 2 daripada soalan-soalan ini.

1. Pemeriksaan minit-minit mesyuarat lembaga adalah bahagian yang penting di dalam pemeriksaan juruaudit terhadap penyata kewangan syarikat.

Dikehendaki:

- (a) Menerangkan mengapa pemeriksaan minit-minit mesyuarat lembaga adalah mustahak kepada juruaudit.

(5 minit)

- (b) Senaraikan 5 perkara yang dinyatakan di dalam minit mesyuarat.

(5 markah)

- (c) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh juruaudit jika pelanggan enggan membenarkan pemeriksaan minit mesyuarat oleh kerana bentuknya yang sulit.

(4 markah)

- (d) Apakah langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh juruaudit jika keadaan-keadaan berikut timbul semasa pemeriksaan minit itu dijalankan?

- (i) buku minit tidak menunjukkan kebenaran terhadap penjualan butiran penting yang telah disiapkan sebelum tarikh kunci kira-kira.

(3 markah)

- (ii) Minit untuk membayar tuntutan kemalangan daripada kakitangan syarikat telah diluluskan selepas tarikh kunci kira-kira. Tuntutan

...10/-

telah dibuat sebaik sahaja kemalangan berlaku pada tahun itu iaitu sebelum tarikh kunci kira-kira, tetapi pengarah tidak mencatatkan liabiliti ini sehinggalah tuntutan diluluskan di dalam mesyuarat.

(3 markah)

2. (a) Anda adalah seorang juruaudit sebuah syarikat berhad di mana tahun kewangannya berakhir pada 31/3/1985.

Nota kepada akaun menyatakan:

"Pinjaman 10 juta ringgit yang ditunjukkan di dalam kunci kira-kira adalah sepatutnya dibayar pada 1/12/1985. Perbincangan sedang dijalankan dengan pengarah-pengarah bank syarikat untuk menggantikan pinjaman dengan kemudahan jangka panjang yang baharu".

Anda mengetahui bahawa projeksi pergerakan tunai untuk tahun 1985 dan 1986 menunjukkan bahawa syarikat tidak akan dapat membayar balik pinjaman itu, tetapi perbincangan dengan pengarah-pengarah syarikat menampakkan tanda-tanda yang baik. Walau bagaimanapun, keputusan daripada perbincangan hanya akan diketahui pada 9hb Julai, iaitu tarikh di mana anda dikehendaki menandatangani laporan. Anda dikehendaki merangkakan satu laporan yang sesuai dengan keadaan di atas.

(12 markah)

- (b) (i) Nyatakan 4 keadaan di mana pendapat menafikan dan berlawanan adalah paling sesuai. (Berikan 2 contoh keadaan bagi setiap pendapat).

(4 markah)

- (ii) Adakah anda mempercayai bahawa pendapat menafikan adalah tidak menguntungkan?

(4 markah)

Nyatakan sebab-sebab bagi menyokong pendapat anda.

...11/-

3. (a) Di antara kandungan "International Auditing Guideline 3",

"Juruaudit mestilah mendapatkan bukti-bukti yang mencukupi dan bersesuaian menerusi ujian-ujian pematuhan dan lanjutan untuk membolehkannya mengeluarkan pendapat mengenai penyata kewangan yang diauditkannya itu".

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ujian pematuhan dan ujian lanjutan (Berikan 2 contoh untuk setiap ujian).

(4 markah)

- (ii) Sebanyak mana buktikah yang dikatakan "mencukupi" bagi tujuan ini?

(8 markah)

- (b) Mengikut Akta Syarikat 1965, S. 174, juruaudit mestilah menyatakan "samada penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan adil dan mengikut akta".

Apakah yang dimaksudkan dengan "benar dan adil"?

(8 markah)

